



POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
No.25, Jalan Komersial 2
Pusat Komersial Tasek Gelugor
13300 Tasek Gelugor
PULAU PINANG
MALAYSIA



Tel: 04-573 2789
Faks: 04-573 2087
Laman Web: www.pmtg.edu.my
Facebook: [politeknik.edu](https://www.facebook.com/politeknik.edu)

Rujukan kami : PMTG.PP.600-1/1/5.Jld 5(b)
Tarikh : 23 Julai 2024

Saudara/i,

JEMPUTAN MAJLIS GRADUASI PENSIJILAN PROFESIONAL FLEXTRONICS PENANG 2024

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Politeknik METrO Tasek Gelugor merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan para graduan. Sehubungan dengan itu, para graduan dijemput untuk menghadiri Majlis Graduasi Pensijilan Profesional Flextronics 2024 yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 17 Ogos 2024 (Sabtu)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

3. Para graduan hendaklah melengkapkan maklumat berikut di laman sesawang PMTG (<https://www.pmtg.edu.my/infograduasi-flex/>):

- i. Pengesahan kehadiran
- ii. Pemilihan saiz jubah
- iii. Gambar graduan berukuran pasport

4. Tarikh akhir pengesahan kehadiran graduan adalah pada **25 Julai 2024 (Khamis)**. Sebarang rayuan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

5. Para graduan **DIWAJIBKAN** hadir pada sesi **pra pendaftaran** dan **pengambilan jubah** seperti butiran berikut:

Tarikh : 17 Ogos 2024 (Sabtu)
Masa : 11.00 Pagi
Tempat : Dewan Kuliah Utama, Politeknik Seberang Perai

6. Para graduan perlu merujuk **e-Buku Panduan Majlis Graduasi Pensijilan Profesional Flextronics Penang 2024** yang boleh dicapai di web PMTG e-graduasiflex (<https://www.pmtg.edu.my/infograduasi-flex/>). Para graduan wajib merujuk panduan ini untuk mengetahui tatacara menghadiri majlis graduasi.

7. Satu (1) keping pas masuk ke dewan majlis graduasi akan diberikan semasa pra pendaftaran graduan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang waris sahaja. Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.

8. Pihak PMTG mengalu-alukan kehadiran para graduan pada Majlis Graduasi Pensijilan Profesional Flextronics Penang 2024 ini. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pn. Azmah:** 0174641874, **Cik Nur Syafiqah:** 0193957786, **Pn. Nor Shazana:** 0124844764.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD YUSAINI BIN MOHAMED ALI)

Pengarah
Politeknik METrO Tasek Gelugor
Pulau Pinang



CERTIFIED TO ISO 21001:2018
CERT. NO.: 00111



**Senarai Semak Dokumen Pelajar Majlis Graduasi Pensijilan Profesional
Flextronics Penang 2024**

Bil	Perkara	Butiran	Tindakan (/)
	Pengesahan Kehadiran		
1	a. Jawapan pengesahan kehadiran	Laman Sesawang PMTG / Pengurusan Flextronics Penang	
	b. Pilihan saiz jubah		
	c. Mengemaskini maklumat terkini graduan		
	d. Gambar graduan ukuran pasport		
2	Sila lampirkan Kad Pengenalan/ Pasport semasa pengambilan jubah dan pendaftaran	Lokasi: Dewan Kuliah Utama, PSP	



**GARIS PANDUAN PERATURAN PAKAIAN GRADUAN
MAJLIS GRADUASI PENSIJILAN PROFESIONAL FLEXTRONICS PENANG 2024**

Majlis Graduasi akan diadakan pada **ketetapan berikut**;

TARIKH	MASA	TEMPAT
17.08.2024 (Sabtu)	11.00 pagi	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

Sehubungan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan- tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

1.0 PERATURAN PAKAIAN GRADUAN

Graduan yang hadir ke majlis raptai dan graduasi hendaklah berpakaian kemas dan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan seperti berikut:

1.1 HARI RAPTAI

GRADUAN LELAKI

- i) Baju kemeja atau t-shirt berkolar dan seluar *slack*.
- ii) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna hitam / gelap. Sandal dan kasut sukan **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii) Graduan hendaklah berambut kemas.

GRADUAN WANITA

- i) Baju kurung tradisional / kebaya labuh / kebarung atau *Lounge Dress* (sekiranya memakai skirt mestilah melepasi paras lutut). Graduan **DILARANG** sama sekali memakai pakaian yang tidak sopan, jarang, ketat dan mendedahkan.
- ii) Kasut hendaklah jenis bertutup. Sandal dan kasut sukan **TIDAK DIBENARKAN**.

1.2 HARI GRADUASI

GRADUAN LELAKI

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Baju kebangsaan berwarna hitam yang lengkap (songkok, baju, seluar, sampung dan berbutang) atau
- iii) Baju kemeja lengan panjang berwarna putih dengan tali leher, seluar *slack* berwarna hitam dan *blazer* warna hitam / gelap).
- iv) Kasut bertutup. Sandal dan kasut sukan **TIDAK DIBENARKAN**.
- v) Seluar *jeans*, baju seragam dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**.
- vi) Rambut kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan **TIDAK** akan dibenarkan menyertai Majlis Graduasi.

GRADUAN WANITA

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Baju kebangsaan (baju kurung atau kebaya labuh / kebarung-warna bebas) dan memakai tudung berwarna putih / krim tanpa corak bagi yang beragama Islam atau
- iii) Skirt labuh hingga ke buku lali, kemeja lengan panjang.
- iv) Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- v) Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- vi) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna hitam / gelap (ketinggian kurang daripada 3 inci). Sandal **TIDAK DIBENARKAN**.
- vii) Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan / menjolok mata, jarang, berbelah, ketat dan mendedahkan aurat **TIDAK** akan dibenarkan menyertai Majlis Graduasi.

PERHATIAN : Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian TIDAK DIBENARKAN untuk memasuki dewan.



GARIS PANDUAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN
MAJLIS GRADUASI PENSIJILAN PROFESIONAL FLEXTRONICS PENANG 2024

Majlis Graduasi akan diadakan pada ketetapan berikut;

TARIKH	MASA	TEMPAT
17.08.2024 (Sabtu)	11.00 pagi	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

Sehubungan itu, dipohon kerjasama para ibu bapa / tetamu / waris graduan untuk mengambil tindakan- tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

1.0 JEMPUTAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN

- 1.1 Bilangan ibu bapa / tetamu atau waris graduan yang dibenarkan masuk ke dalam dewan Majlis Graduasi adalah **seramai DUA (2) orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 1.2 Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dewan.
- 1.3 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di dalam dewan Majlis Graduasi.
- 1.4 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berada di dewan Majlis Graduasi selewat-lewatnya pada pukul **1.30 petang**. Pintu masuk dewan akan ditutup 30 minit sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 1.5 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Graduasi untuk masuk ke dalam dewan.

2.0 ETIKA PAKAIAN

2.1 Pakaian Tetamu Lelaki

- i. Baju Kebangsaan, atau
- ii. Batik, atau
- iii. Lounge Suit, atau
- iv. Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar *jeans* dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

2.2 Pakaian Tetamu Wanita

- i. Baju Kebangsaan atau
- ii. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau *skirt* melebihi paras lutut, blouse tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**).



PERINGATAN

1. Ibu bapa / tetamu / waris graduan diminta untuk menghormati majlis yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian majlis.
2. Ibu bapa / tetamu / waris graduan juga **DILARANG** meninggalkan dewan semasa Majlis Graduasi sedang berlangsung.
3. Ibu bapa / tetamu / waris graduan adalah dinasihatkan supaya makan tengah hari sebelum memasuki dewan. Hanya makan petang saja disediakan. Majlis Graduasi dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.